

71

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]**

**TARIKH : 29.11.2017**

**SOALAN : 37**

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos penubuhan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya dan sama ada SPRM telah melancarkan satu kempen untuk membuktikan bahawa Malaysia bukan sebuah kleptokrasi global.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Kerajaan prihatin dalam usaha membanteras rasuah. Usaha Kerajaan ini dapat dilihat melalui iltizam kerajaan dengan menyediakan bangunan baru dengan kos berjumlah RM427,947,999.00.

Bangunan SPRM ini terdiri daripada 3 kompleks utama iaitu kompleks pentadbiran, operasi dan pencegahan berbanding dengan kompleks yang lama di mana SPRM terpaksa menyewa bangunan di beberapa tempat. Ini jelas menunjukkan usaha dan kesungguhan kerajaan di mana SPRM tidak berkompromi dengan mana-mana pihak.

Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menambahbaik undang-undang pencegahan rasuah sebanyak 2 kali. Di samping itu, kerajaan turut memperkasakan keperluan logistik, kewangan dan operasi SPRM. SPRM juga dipantau oleh 5 entiti yang dilantik bagi menjaga kebebasan SPRM, 5 buah jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan dan perjalanan fungsi SPRM iaitu Jawatankuasa Penasihat, Jawatankuasa Operasi, Jawatankuasa Aduan, Jawatankuasa Pencegahan dan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah yang dianggotai oleh panel-panel dari pelbagai bidang termasuklah pihak parti pembangkang, NGO dan pakar akademik. Selain dari itu, penasihat antarabangsa juga dipanggil untuk menilai keberkesanan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan kebebasan serta akauntabiliti SPRM.

Inisiatif-inisiatif lain pencegahan rasuah juga telah ditambahbaik melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan National Key Result Area (NKRA) bagi mencerminkan iltizam kerajaan dalam usaha membanteras rasuah maka tidak timbul soal kleptokrasi global.

Sekian, terima kasih.